



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD / 1 OKTOBER 2023

- 1. KERAJAAN DIGESA TANGANI MANIPULASI BEKALAN BERAS – BERITA HARIAN**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 1 OKTOBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA



Tajuddin mengahibkan 500 kampak beras untuk tempatan seberat 10kg kepada penduduk di Dewan Besar Pekan Rabu, Chenderong Balai, Pasir Salak, semalam.

Kerajaan digesa tangani manipulasi bekalan beras

Penguat kuasa perlu tegas pantau pengilang, pemborong

Oleh Mubamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

Pasir Salak: Kerajaan digesa mempertingkatkan aspek penguatkuasaan bagi mengatasi kegiatan manipulasi bekalan beras yang disyaki dilakukan pihak tidak bertanggungjawab.

Bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman, berkata situasi bekalan beras putih tempatan (BPT) terhad ketika ini berkemungkinan berpunca daripada peranan 'tangan ghaib' yang mengambil kesempatan.

Justeru, beliau yang juga Pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) Pasir Salak Bangkit berkata, agensi penguatkuasaan daripada

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mesti tegas melaksanakan pemantauan berterusan terhadap pengilang, pemborong dan juga penjual beras di pasaran.

"Dalam krisis sekarang, kadang-kadang ada pengilang dan pemborong ambil kesempatan dengan simpan stok beras ni.

"Seperti kita belajar konsep penawaran dan permintaan, apabila mereka simpan bekalan di pasaran jadi kurang, maka mereka boleh naikkan harga. Ini perbuatan tak bertanggungjawab pengilang, pemborong dan penjual kedai.

"Jadi, penguat kuasa mesti tegas dan ambil tindakan berani.. jangan hanya acah-acah sahaja. Pak Menteri kena tengok betul ke penguat kuasa buat kerja," katanya ketika ditemui selepas menyerahkan sumbangan 500 kampak BPT bersaiz 10 kilogram (kg) kepada penduduk di Dewan Besar Pekan Rabu, Chenderong Balai, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Wanita UMNO Bahagian Pasir Salak, Da-

tin Seri Rahayu Tajuddin.

Status tanah ditukar

Dalam pada itu, Tajuddin mendakwa ada tanah berstatus pertanian padi sebelum ini ditukar sewenang-wenangnya oleh pemilik kepada ladang sawit, taman perumahan dan kilang perindustrian yang mengakibatkan usaha kerajaan meningkatkan penghasilan beras terbantut.

"Pejabat Tanah dan Daerah kena pantau tanah sawah, jangan dibiarkan bertukar jadi kebun kelapa sawit, taman perumahan atau tapak kilang.

"Ini akan kurangkan jumlah tanah yang boleh diguna untuk tanaman padi," katanya.

Sementara itu, seorang penerima sumbangan beras pada program itu, Zaman Adnan, 65, berkata bantuan beras kampak 10kg itu kerana dapat meringankan beban ditanggungnya.

Bapa kepada lapan anak itu berkata, harga beras melambung ketika ini memberi kesan terhadap kewangannya yang hanya bekerja sebagai penghantar barang.

Nasional

Pemberian khas kepada Sarawak, Sabah akan dibayar selepas diwartakan

Kota Samarahan: Pemberian khas kepada Sabah dan Sarawak berdasarkan Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan masing-masing sebanyak RM300 juta setahun akan dibayar selepas ia diwartakan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata jumlah pemberian khas diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim awal tahun ini itu dikekalkan sehingga formula baharu mengenainya dimuktamadkan.

Katanya, formula pemberian khas itu sudah dibentangkan, namun sehingga kini masih belum ada kota putus dicapai.

"Pemberian khas RM300 juta setahun kepada Sarawak memang sudah diumumkan, namun ia tertakuk kepada pewartaan kerana pembayaran hanya akan dibuat selepas ia diwartakan.

"Jumlah itu kekal (RM300 juta) sehingga formula pemberian khas yang sudah dibentangkan sebelum ini dimuktamadkan," katanya selepas majlis perasmian Hari Berandau dan Koperasi Kluster Koko Sarawak di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko, Kota Samarahan semalam.

Fadillah berkata, pemberian

itu tidak perlu dimasukkan di dalam Belanjawan 2024 yang akan dibentangkan tidak lama lagi kerana ia sudah dipersetujui Kerajaan Persekutuan.

Januari lalu, Fadillah dilaporkan berkata, formula pemberian khas mengikut Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak akan terus diperincikan bagi memastikan kaedah pengagihan yang lebih telus dan jelas.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu, Fadillah yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi berkata, industri koko menyumbang RM7.8 bilion kepada pendapatan eksport negara pada tahun lalu.

Katanya, sumbangan itu meningkat 13.7 peratus, berbanding tahun 2021 dan dalam tempoh Januari hingga Julai tahun ini, jumlah pendapatan eksport koko mencecah RM4.36 bilion.

"Dengan prestasi itu, kita yakin sasaran pendapatan eksport koko tahun ini iaitu sebanyak RM8 bilion mampu dicapai.

"Keluaran biji koko kering negara pada tahun lalu adalah sebanyak 463 tan metrik dengan 102 tan metrik disumbangkan oleh pekebun di Sarawak," katanya.



Fadillah hadir pada majlis perasmian Hari Berandau dan Koperasi Kluster Koko Sarawak di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko, Kota Samarahan semalam.

(Foto Nadim Bokhari/BH)